

## **080 KEPERIBADIAN PROF. KADIRUN YAHYA DAN PENGARUHNYA TERHADAP SUASANA PENGAMALAN TAREKAT DI BAWAH BIMBINGANNYA DI MALAYSIA**

**Hamidun Mohamad Husin**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

Prof. Kadirun Yahya (m. 2001) adalah murshid tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah, Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya berpusat di Medan Sumatera Utara yang mempunyai ramai pengikut di Malaysia. Artikel ini cuba meneroka keperibadian Prof. Kadirun Yahya dan menilai sejauhmana ciri-ciri keperibadiannya memberi kesan terhadap suasana pengamalan tarekat di kalangan pengikutnya. Prof. Kadirun Yahya antara lain berpandangan bahawa harus menunjukkan ‘kekeramatan’ (*karamah*) untuk menangkis pendapat bahawa agama adalah khayalan dan bagi membuktikan kebenaran amalan tarekat boleh dibuktikan secara fizikal. Pelbagai cerita keajaiban juga dikatakan berlegar di kalangan pendokong tarekat ini. Justeru fokus perbincangan meneroka bentuk keperibadian Prof. Kadirun Yahya dan suasana pengamalan tarekat yang terzahir di kalangan murid-murid pada era kepimpinannya seterusnya melarik kesimpulan apakah korelasi antara kedua-duanya. Kajian menggunakan pendekatan kepustaakaan dan analisis terhadap dokumen serta material audio visual yang berkenaan selain pemerhatian lapangan. Dapatan kajian mengesahkan memang terdapat korelasi yang tinggi antara keperibadian Prof. Kadirun Yahya sebagai *murshid* dan suasana pengamalan tarekat di kalangan murid-muridnya.

Kata kunci : Naqshabandiyah Khalidiyah, Prof. Kadirun Yahya, tarekat, ajaran sesat.

## PENGENALAN

Bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Simpulan bahasa ini sangat menepati dapatan kajian yang sedang kita bicarakan. Dalam tradisi tarekat, seseorang murid sangat ‘ditentukan’ oleh guru, *syaykh* atau *murshidnya*. Justeru saat acuan itu berubah, kuih yang terhasil juga berubah.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kepustakaan dan analisis kontekstual terhadap dokumen serta material audio visual mengenai Prof. Kadirun. Selain itu pemerhatian lapangan di pusat Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya di Kampus Universitas Pembangunan Pancabudi, Medan Sumatera Utara dan di Surau Muhammadil Amin, Batu 17 ½ Rawang akan digunakan untuk mengesahkan analisis kontekstual dokumen dan bahan yang telah diperolehi.

## PROF. KADIRUN YAHYA DAN NAQSHABANDIYAH KHALIDIYAH DI BAWAH PIMPINANYA

Cabang Khalidiyah adalah cabang yang banyak tersebar di kalangan pengamal Naqshabandiyah di Malaysia. Antara yang perguruan Khalidiyah yang mempunyai ramai pengikut ialah Naqshabandiyah Khalidiyah Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya. Yang amat menarik perhatian kumpulan ini pernah menjadi tajuk utama akhbar tempatan kerana difatwakan sesat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1981, malah terus menjadi topik perbincangan hangat Majlis berkenaan pada tahun-tahun 1985, 86 dan 87. Asas utama pengharaman amalan kumpulan ini berkisar masalah *rābiṭah*, dakwaan penyimpangan tafsiran ayat Quran dan beberapa perkara lain.<sup>1</sup> Menghadapi masa-masa sukar ini, kumpulan ini dilihat akur dengan ketetapan pihak berkuasa termasuk

---

<sup>1</sup> Hamidun Bin Mohamad Husin. 2014. *The Fraternity Of Naqshabandiyah Khalidiyah Of The Prof. Dr. H. Kadirun Yahya Foundation In Malaysia. A Critical Evaluation of Its Sufi Teachings And Practices.* (Ph.D Thesis). University Sains Islam Malaysia.

menghentikan sementara beberapa disiplin ritual penting Khalidiyah seperti *Tawajjuh* dan *Suluk (I'tikaf)* , walaupun pada masa sama dengan begitu sukar cuba meyakinkan semua pihak akan keabsahan amalan mereka termasuk mengutus surat kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Meskipun status quo pengaharaman kekal sehingga hari ini, amalan tarekat ini masih berterusan walaupun sesekali berhadapan serbuan pihak berkuasa agama tempatan.

Mengamati tarekat ini dari dekat, mereka mengaku mengambil sumber dari jalur Khalidiyah yang pernah bertapak di Jabal Qubays, Makkah sebelum era gerakan *Salafiyah*. Prof. Kadirun Yahya telah menjadi murid kepada guru utamanya Shaykh Muhammad Hasyim Buayan (berasal dari Buayan, Sumatera Indonesia), yang merupakan murid kepada Maulana Sidi Ali Redha di Jabal Qubais, Makkah al-Mukarramah. Mereka mengaku sebagai Ahli SunnahWal Jamaah dan bermazhab fikah Syafie, yang dengan demikian berpegang dengan sumber asas Quran, Sunnah, Ijma' dan Qias. Sejauh yang dapat dipastikan, selain perbezaan guru/ *murshid*, kumpulan ini hampir-hampir tidak berbeza dengan kumpulan Naqshabandi Khalidi lain yang terdapat di serata Malaysia.

Berbeza dengan kebanyakan perguruan tarekat di Malaysia yang mempraktekkan autonomi kepimpinan, atau malah telah terlepas langsung dari bertanggungjawab kepada otoriti kepimpinan asalnya di sama ada di Indonesia atau negara lain, termasuk dari Timur Tengah atau Asia Tengah, perguruan Khalidiyah Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya di Malaysia masih merujuk kepada guru mereka di Medan, Sumatera Utara, Indonesia. *Murshid* mereka yang terkini iaitu Shaykh Abdul Khaliq Fajduani.

Berbeza dengan kumpulan Khalidiyah Shaykh Dr. Jahid Sidek yang mempunyai ramai pengikut dari kalangan lepasan pengajian agama secara formal, kumpulan Yayasan Prof. Kadirun Yahya di Malaysia ini hampir-hampir tidak mempunyai 'ustaz'. Pengikutnya merentas strata masyarakat Malaysia dari buruh kasar dan pemandu teksi hinggalah kepada penjawat awam, golongan professional, saintis ahli politik dan mereka yang hampir dengan istana.

## SUASANA PENGAMALAN TAREKAT DALAM ERA KEPIMPINAN PROF. KADIRUN YAHYA DI MALAYSIA

Secara dasar Naqshabandiyah Khalidiyah Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya adalah sebuah tarekat berteraskan amalan (*tareqah amaliah*). Selain ibadah fardu, ia amat menyarankan murid menekuni amalan zikir *Allah* dan *La Ilaha Illallah* dengan kaifiyat dan adabnya bagi menjamin murid meraih hasil yang didambakan. Ini dilakukan khususnya menerusi rutin *tawajjuh* dan *suluk*. Disaat kumpulan ini menghadapi kekangan mengadakan *tawajjuh* dan *suluk* secara berkumpulan di surau-surau mereka sekitar tahun lapan puluhan (1980an), para murid disarankan terus melakukannya secara individu. Rutin *tawajjuh* dan *suluk* berkumpulan hanya dapat dilaksanakan apabila keadaan mengizinkan. Walaupun secara berdikit-dikit dan adakalanya menghadapi sekatan buat beberapa lama, kumpulan zikir yang mengorak langkah di Malaysia dengan *tawajjuh* dari rumah ke rumah pada tahun 60an atau 70an ini sehingga kini (2014) telah membuka 15 pusat kegiatan (surau) di seluruh Malaysia. Datang beramal di surau, atau beramal sendirian sekiranya berhalangan telah menjadi citra murid-murid Prof. Kadirun sehingga mereka secara zahir dilihat mendapat ‘tahap kecapaian’ pengurusan surau yang memberangsangkan.

Walaupun bukan semua yang mengambil *baiah* kekal bersama kumpulan ini, partisipasi atas dasar kerelaan yang dapat diperhatikan dalam kumpulan ini sangat mengagumkan. Komitmen peribadi di kalangan pengikut yang rata-ratanya tidak mempunyai kelayakan formal akademik dalam bidang pengajian agama sangat memberangsangkan. Mengharungi puluhan kilometer perjalanan untuk menghadiri satu sesi *Tawajjuh* selama lebih kurang dua jam (termasuk solat isyak) sebanyak dua kali seminggu atau pun hadir dalam acara *ubudiah* (gotong royong) mingguan sangat membuktikan komitmen mereka. Majlis *Tawajjuh* diadakan secara tetap selepas solat Isyak berjemaah setiap hari Isnin dan Khamis, manakala *Suluk* pula dijadualkan secara tetap beberapa kali setahun.

Surau mereka sebagai pusat kegiatan komuniti memang tidak pernah lengang sepanjang masa. Ia khusus digunakan para ahli untuk solat jamaah, *tawajjuh*, *suluk*, aktiviti agama

dan sosial seperti Maulid al-Rasul, majlis perkahwinan dan sebagainya. Kehadiran bukan ahli ke surau amat jarang berlaku kemungkinan kerana ia tidak dibina dalam kawasan penempatan penduduk dan fungsinya sebagai surau tidak diuar-uarkan kepada massa. Tidak cukup hanya dengan rutin *tawajjuh* dan *suluk*, ‘workshop’ berkala dan kursus-kursus bersiri gaya moden dalam topik-topik tertentu dari masa ke masa diperkenalkan. Malahan puluhan seminar dan wacana peringkat kebangsaan dan antarabangsa diadakan dan disertai Prof. Kadirun Yahya dan pengikutnya di seluruh Indonesia untuk mempersembahkan amalan tarekat ke tengah masyarakat Islam dan membuktikan kebenarannya.

Lawatan timbal balik Prof. Kadirun dan pengikutnya di antara Malaysia dan Indonesia menatijahkan pertambahan dokongan terhadap tarekat ini. Ini ditambah dengan kunjungan saban tahun antara 1976-79 oleh Prof. Kadirun, di mana beliau akan menetap selama lebih kurang 40 hari pada setiap kali lawatan. Kesannya penerimaan yang diterima amat menggalakkan sehingga salah faktor sampingan yang membawa kepada pengharaman tarekat ini ialah ialah kebimbangan terhadap bilangan pengikutnya yang dilaporkan seramai 40000 orang .

Yang sedikit menimbulkan keresahan ialah pelbagai cerita keajaiban juga dikatakan berlegar di kalangan pendokong tarekat ini. Prof. Kadirun dikatakan mempunyai pelbagai keajaiban seperti antaranya dikatakan menghidupkan orang yang telah mati, mampu menewaskan komunis yang sebelumnya tidak dapat dikalahkan pasukan elit tentera di Hutan Pahang, menjinakkan letusan berapi Gunung Galunggung, Sumatera Indonesia. Malah kajian ini mengutip pengalaman peribadi langsung dari si empunya kisah, di kedua-dua Negara- di Malaysia dan Medan, Indonesia bagaimana hebatnya kuasa putih mengalahkan kuasa hitam.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Seorang pengikut Prof. Kadirun berumur lingkungan 80an berasal dari Johor menceritakan kepada pengkaji bagaimana sebagai pembunuh upahan pada tahun 70an dia ‘mencuba’ ilmu hitam terhadap abangnya sendiri namun gagal dengan begitu teruk. Dia menemui abangnya (murid Prof. Kadirun) yang tidak mengetahui apa yang telah berlaku, mengaku kalah dan menuruti jejak abangnya berguru dengan Prof. Kadirun. Di Medan, seorang murid Prof Kadirun telah diberi sedikit modal menjual makanan bergerak di tepi jalan. Tidak jauh dari tempat tersebut terdapat penjual lain. Selang beberapa hari, penjual tersebut menemuinya mengakui kekalahannya membuat sang murid Prof. Kadirun ini tercengang. kerana penjual tersebut telah cuba menyihirnya dan gagal walaupun dia sendiri tidak tahu menahu atau berbuat

Cerita-cerita sebegini antaranya yang tersebar dikalangan murid Prof. Kadirun malah termuat dalam risalah *Ahli Silsilah Thariqah Naqsabandiyah Al Khalidiyah* yang ditulis K.H. Ahmad Rivai Rakub St. Hidayat pastinya menimbulkan kekusaran yang tidak sedikit, malah telah menjadi asas kepada kontroversi hangat. Adalah malang sekiranya cerita sebegini tersebar berleluasa kerana ia potensinya menimbulkan salah faham dan *fitnah*, malah menghilangkan citra murni amalan tasawwuf.

## **KEPERIBADIAN PROF. KADIRUN YAHYA**

Prof. Kadirun Yahya atau nama kelahirannya Muhammad Amin (1917- 2001) dilahirkan dalam keluarga patuh beragama yang dekat dengan amalan tarekat Shaykh Abdul Wahab Rokan dari Besilam, Sumatera Utara. Beliau bagaimanapun mendapat pendidikan formal dari institusi pendidikan Belanda yang ada pada zamannya (sebelum kemerdekaan Indonesia) dan menekuni bidang ketabiban (*Healing*), Psikologi, Indologi (Pengajian Indonesia), Kimia dan Fizik sertai diakui sangat menguasai Bahasa Belanda, Jerman dan Inggeris. Mengenai pendidikan agamanya Prof. Kadirun ditakdirkan menerima didikan tarekat Naqshabandi dari Shaykh Shahabuddin Sayur Matinggi, Maulana Sidi Shaykh Abdul Majid dan terutama sekali Saidi Shaykh Muhammad Hasyim Buayan.

Dalam kerjayanya, beliau pernah berkhidmat sebagai guru, Pejuang kemerdekaan Indonesia, Pernah terlibat dalam Tentera Nasional Indonesia, pensyarah & professor kimia fizik di beberapa universiti di Sumatera, Penyelidik & Industrialis bidang Kimia-Fizik, Usahawan & Hartawan, Pendiri, Ketua dan kemudian Penaung Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya, Penasihat Menteri (termasuk Menteri & Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia era 70an) dan ahli Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR) yang dilantik Presiden Indonesia.

---

apa-apa. Si penjual tersebut kemudiannya turut sama berguru dengan Prof. Kadirun. Satu kisah lain pula, seorang anak murid Prof. Kadirun yang menjalani *suluk* telah jatuh pengan sehingga dia terpaksa dipapah/diangkat para murid kanan (*petoto*) lain. Sebelum berguru dengan Prof Kadirun, beliau adalah pembuat tangkal kebal. Sambil bergurau (seolah-olah berbangga) dia berkata waktu kali pertama bersuluk dia sudah diangkat *petoto* (dilantik menjadi murid kanan guru).

Prof. Kadirun Yahya dapat digambarkan sebagai seorang yang mempunyai ciri keperibadian yang sangat tegas dan berani. Ini dapat diperhatikan dari petikan klip 'Fatwa Tarekat'nya yang diucapkan dengan penuh bersemangat sempena acara penutupan *Suluk (I'tikaf)* pada tahun 1987 pada usianya 70 tahun. Dia menyatakan bahawa kebenaran agama tidak lagi hanya boleh dipertahankan dengan hujah akal, tetapi harus dibuktikan kebenarannya secara 'real'. Dan bukti kebenaran yang 'real' itu boleh dijelmakan melalui method tarekat. Dan method tarekat itu sendiri boleh dibuktikan kebenarannya menerusi sains fizik dan kimia yang beliau terokai kebenarannya.

Justeru Prof. Kadirun Yahya berpandangan bahawa adalah harus menunjukkan 'kekeramatan' (*karamah*) seseorang untuk membuktikan secara fizikal akan kebenaran (Islam atau amalan tarekat) dan menangkis pendapat bahawa agama adalah khayalan. Dalam soal ini Prof. Kadirun Yahya mendokong pandangan sekumpulan kecil ulama yang mengharuskan perkara sedmikian dengan membandingkannya (*qias*) dengan perbuatan menghentakkan kaki dalam kawad tentera bagi menunjukkan kehebatan tentera umat Islam, dengan syarat hati mestilah tunduk kepada Allah.

Menurut sebahagian anak muridnya yang ditemui, Prof. Kadirun Yahya semasa hayatnya sering mencabar mereka untuk melakukan 'uji coba' (ujian). Dia sering mengungkapkan kata-kata seperti "*Coba saja. Buktikan. Usah ikut ayah (Prof. Kadirun Yahya) kalau ayah (Prof. Kadirun Yahya) tak mampu*".

Prof. Kadirun Yahya menurut Martin Van Bruinessen adalah seorang terkenal dengan pelbagai kekeramatan, walaupun secara sinis ia menampakkan Prof. Kadirun lebih mirip seorang dukun atau bomoh berbanding seorang guru tarekat yang ortodok. Bagi Bruinessen, hakikat kehebatan kuasa dalaman Prof. Kadirun Yahya adalah suatu yang 'real', walaupun Bruinessen juga menegaskan ramai ahli tasawwuf yang ditemuinya menyatakan kehebatan yang dimiliki Prof. Kadirun Yahya adalah suatu yang meragukan.

## KESIMPULAN.

Secara perbandingan memang terdapat korelasi antara keperibadian Prof. Kadirun Yahya sebagai individu dan pembimbing tarekat dengan suasana pengamalan tarekat dalam era kepimpinannya. Seseorang murid tarekat sangat ‘ditentukan’ oleh guru, *syaykh* atau *murshidnya*. Ini diperteguhkan dengan fakta yang berlaku mutakhir ini, apabila *murshid* yayasan tersebut kini Shaykh Abdul Khaliq Fajduani (anak Prof. Kadirun Yahya sendiri) dilihat cenderung kepada sesuatu yang lebih faktual/ tekstual dan kurang mistikal<sup>3</sup>, kecenderungan pengikut juga dilihat beralih arah.

## RUJUKAN.

Hamidun Bin Mohamad Husin. 2014. *The Fraternity Of Naqshabandiyah Khalidiyah Of The Prof. Dr. H. Kadirun Yahya Foundation In Malaysia. A Critical Evaluation Of Its Sufi Teachings And Practices*. (Ph.D Thesis). University Sains Islam Malaysia.

Djamaan Nur(b). 2004. *Tasawuf Dan Tarekat Naqsyabandiyah Pimpinan Prof. Dr. Saidi Syekh Kadirun Yahya*. Medan:USU Press.

Bruinessen Martin Van (a), 1995. *Tariqat Naqsyabandiyah di Indonesia: Survei Historis, Geografis dan Sosiologis*. Bandung Penerbit Mizan.

Bruinessen Van Martin (b). 2007. “After The Days of Abu Qubays: Indonesian Transformation of The Naqshabandiyah-Khalidiyyah”. *Journal of the History of Sufism* 5. p. 237. [igitur-archive.library.vu.nl/th/2012-0309-200336/Bruinessen-Abu\\_Qubays.pdf](http://igitur-archive.library.vu.nl/th/2012-0309-200336/Bruinessen-Abu_Qubays.pdf).

Bami Abdul Majid. 2009. “Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyah, Yayasan Prof. Dr. Kadirun Yahya”. *Temubual*. 7 hb. Jun.

<http://clip.dj/fatwa-tarekat-prof-dr-s-syeikh-kadirun-yahya-1-5-download-mp3>  
mp4vaWaQk-9L\_w diakses pada 23/10/2104.

---

<sup>3</sup> Antaranya pernah mengungkapkan kepada Bruinessen (pada masa hayat ayahandanya lagi) bahawa maksud menghidupkan orang yang telah mati ialah menyembuhkan mereka yang telah disahkan tiada harapan sembuh (akan mati) oleh doktor perubatan.